

Fahami budaya, agama lain elak sensitiviti kaum

Masyarakat patuh Perlembagaan wujud negara aman, harmoni

Kita sering dikejutkan dengan isu yang menyenturi sensitiviti agama penduduk negara ini sama ada oleh orang luar atau dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Ia tidak boleh dibiarakan berbarajalela.

Ibu agama adalah perkara yang sensitif justeru itu, ia perlu dipantau setiap masa bagi mengelak daripada berlakunya konflik kaum apatah lagi ia boleh memecahkan benteng integrasi kaum di negara ini. Lebih parah lagi, kemerdekaan negara juga boleh terganggu.

Setiap kaum di negara ini perlu ambil kesempatan diatas kepelbagaian bangsa, agama, kepercayaan dan budaya masyarakat negara ini. Malaysia unik kerana walaupun terdapat pelbagai agama dan kepercayaan, masyarakatnya dapat hidup bersama-sama berbanding dengan negara majmuk lain yang sering bersegi dan berkonflik. Seperti diperkatakan tadi, masyarakat pelbagai kaum dan agama di negara ini perlu berusaha mengambil tahu dan mempelajari ajaran agama dan budaya lain terutama agama Islam memandangkan Islam adalah agama rasmi Persekutuan.

Hormati Islam agama Persekutuan

Semua masyarakat perlu patuh pada Perlembagaan negara bagi menjamin kesejahteraan dan keamanan negara. Semua pihak perlu akur dan menghormati kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan. Begitu pun, agama lain tetap diberikan penghormatan yang sama walaupun ia bukan agama utama di negara ini. Perlembagaan tidak pernah merendahkan mana-mana agama, tetapi ada ketika-nya ada dalam kalangan masyarakat yang menyalahi peruntukan dalam Perlembagaan.

Memahami ajaran agama lain adalah sangat penting kerana ia kunci utama kepada perdamaian kaum di negara ini. Walaupun kerajaan telah beri peluang yang luas kepada semua kaum dalam bidang ekonomi dan pentadbiran, namun isu mengenai agama adalah yang paling penting mengatasi kepentingan ekonomi dan politik. Kegagalan menguruskan sensitiviti agama akan memberi kesan kepada kesejahteraan ekonomi dan politik masyarakat negara ini. Sensitiviti agama akan menjadi barah jika ia dibiarakan membiak dalam

hidup masyarakat berlainan kepercayaan dan agama.

Isu halal haram dalam makanan
Antara perkara paling biasa perlu diketahui setiap penganut agama di negara ini adalah makanan. Ada agama mempunyai pantang larang dan halal haram. Setiap kaum ada jenis makanan yang mereka boleh makan dan yang mereka tidak boleh makan. Antara contoh ialah orang Islam diharamkan makan daging khinzir, ayam atau lembu yang tidak disembelih dengan cara yang dibenarkan oleh Islam dan lain-lain makanan yang diharamkan.

Agama Hindu melarang penganutnya memakan daging lembu. Bagi masyarakat Cina, ada juga dalam kalangan mereka yang ada pantang larang dalam pemakanan. Dengan cara memahami ajaran agama lain sebegini ia akan memberikan garis panduan kepada penganut agama lain tidak melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan sensitiviti kaum lain.

Pelaksanaan setiap agama juga perlu dipelajari. Sebagai contoh, masyarakat bukan Islam perlu tahu bahawa penganut agama Islam perlu solat lima waktu dan setiap kali ma-



Program gotong royong mengorbankan hubungannya sesama kaum.



Memahami dan menghormati pantang larang makanan dalam agama mewujudkan masyarakat sejahtera.



DR HASNAH HUSSIN



Pengenalan subjek Hubungan Etnik di IPT memberi kesedaran kepada siswa lebih menghormati kaum di negara ini.

(GAMBAR HASNAN)

suk waktu solat, azan akan berkumandang untuk mengingatkan telah masuk waktu memunahkan solat. Penganut agama lain mungkin juga ada cara tersendiri untuk melakukan upacara keagamaan. Kalau masyarakat dulu boleh bertolak ansur, mengapa masyarakat zaman kini tidak boleh?

Ini selaras dengan apa yang telah dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia melalui Perkara 3(1), agama rasmi Persekutuan adalah Agama Islam, tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di negara ini. Dalam hal ini, setiap agama di Malaysia boleh diamalkan dengan aman asalkan tidak menimbulkan kekacauan dan menimbulkan sensitiviti terhadap agama lain.

Siswa perlu diberi kesedaran faham, hormati kaum lain

Secara amnya, beberapa langkah telah dilaksanakan bagi mengelak sesuatu pihak bertension meluakan sesuatu yang boleh menimbulkan sensitiviti kaum lain. Langkah pihak Kementerian Pengajian Tinggi memperkenalkan subjek Hubungan Etnik di Institut Pengajian Tinggi harus dipuji. Pelaksanaan kursus ini di seluruh IPT telah diterima baik oleh pelajar dan juga penyasar. Mahasiswa juga perlu diberi kesedaran dan belajar memahami dan menghoma-

ti kaum yang lain. Antara langkah yang dilihat sangat baik dilakukan adalah perhimpunan setiap masyarakat pada hari ini cuba memahami agama dan budaya kaum lain. Dengan cara ini perbuatan mempersendakan agama kaum lain sukar berlaku. Tidak keterlaluan jika dikatakan agamalah yang boleh menyatukan dan meruntuhkan benteng perpaduan kaum di negara ini. Rakyat perlu mengambil peluang untuk belajar dan memahami agama lain. Tidak susah untuk sesuatu kaum itu memahami ajaran agama yang lain memandangkan masyarakat Malaysia hidup berdiam, bekerja di organisasi yang sama, bersama merayakan perayaan bangsa lain, sekolah yang sama dan sebagainya. Secara ringkasnya, masyarakat Malaysia ada banyak peluang mengenali bangsa lain.

Ini sangat penting bagi mengelakkan persengketaan atau konflik kaum disebabkan oleh sesuatu pihak yang tidak menghormati agama orang lain. Kita tidak mahu keaanan yang kita kecapi kini berkecai disebabkan perbalahan agama.

Penulis ialah Penyasar Kanan Pusat Bahasa Moden & Sains kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang. E-mel: hasnah@ump.edu.my

Pantun pancaran kehidupan, budi pekerti orang Melayu

Bangsa kita kaya dengan kebijaksanaan dan kearifannya yang luar biasa. Bagi ramai orang ia jarang dilihat dengan mendalam, malah dalam kalangan kaum muda sekarang ini, makin kurang memahaminya jika tidak ada pihak yang mengambil tanggungjawab memberikan penjelasan sewajarnya.

Apatah lagi, kebijaksanaan dan kearifan ini menjadi tunjang jati diri bangsa yang malangnya sesetengah pihak mengambil mudah dan menjadikannya bahan senda-an, jenaka dan bahan tertawa tanpa memahami asas kekuatannya.

Malah tradisi pantun bukan hanya terkenal dan diajar dalam kuliah universiti di negara ini, malah juga dalam penulisan Eropah dan Barat yang memuat pengaji yang pernah menduduki Kursi Pengajian Melayu Eropah di Universiti Leiden Belanda, Profesor Datuk Seri Md Salleh Yaapar dalam kertas kerjanya 'Pantun Melayu dan Western Literary Relations', sebagai satu aspek kesusasteraan Melayu yang mendapat perhatian antarabangsa sebagai kebudayaan yang sangat berharga.

Pantun Melayu pula disebut dalam Hilroy of Sumatra oleh William Marsden pada tahun 1783 dan juga dikenali dalam pe-
Barat sejak tahun 1886, manakala Nobel Laureate Jaroslav Seifert menghasilkan penulisan Tuhle Pantoun on Love pada tahun 1937 dan di Amerika Syarikat telah muncul perbincangannya sejak tahun 1950-an, jelas Md Salleh.

Pantun sinonim dengan alam Fantasi, asalnya adalah tradisi lisan yang digunakan dalam percakapan harian tanpa ada pengarang yang khusus yang memberi gambaran menyeluruh mengenai orang Melayu yang begitu sinonim dengan alam.

Md Salleh berkata, bagi masyarakat Barat, pantoun mendapat sentuhan moden bertulis dengan terbitnya buku-buku, obituaris peribadi dan semakim kurang sentuhan kesatuan alamnya.

Dalam kertas kerjanya itu, Md Salleh menginterpekasikan pantun sebagai sejenis puisi kebudayaan manusia dan alamnya dengan menggunakan 36 hingga 200 patah perkataan dalam bahasa Melayu yang tidak dengan ritma yang bermusikal, malah menggunakan sebagai medium yang menggambarkan keakraban Melayu dengan dunianya dan pemerhatiannya terhadap kehidupan dan persekitaran.

Sekali gus jati diri ini yang semakin kurang difahami, diteliti apatah lagi diperbaharui adalah khazanah berharga yang mempunyai hubungan kait antara manusia dan alam, bagi aqur dengan tebing dan hanya jatahari yang kenal manikam.

Pantun adalah bahasa berirama dua baris atau empat baris dengan dua pembayang dan dua baris maksud, manakala untuk yang lebih barisnya dipanggil talibun.

Penulis ialah Timbalan Pendaftar Kanan Pejabat Naib Canselor Universiti Sains Malaysia



MOHAMAD ABDULLAH